



Antarabangsa

# Antarabangsa

## ***UniMAP Menerima Kunjungan Daripada Xinjiang Polytechnic College, China***

**U**niMAP sekali lagi menerima kunjungan daripada wakil Xinjiang Polytechnic College, yang mengadakan lawatan bagi bertemu dengan tiga orang pelajar mereka yang berada di UniMAP bagi mengikuti program pertukaran pelajar selama satu semester.

Wakil tersebut juga melakukan lawatan sekitar kampus UniMAP. Beliau melahirkan rasa kagum melihat pencapaian UniMAP yang baru berusia tujuh tahun. Beliau juga menyampaikan hasrat

universiti beliau yang ingin memperkembangkan lagi kerjasama antara UniMAP di dalam pelbagai bidang, antaranya bidang penyelidikan, akademik yang juga antaranya perkongsian maklumat dan sumber di dalam pengajaran Bahasa Inggeris.

Lawatan ke UniMAP oleh Dekan Pusat Bahasa dan Linguistik Xinjiang Polytechnic College ini berakhir selepas dua hari penuh lawatan.